

50 pelajar UMS sertai Program Keluarga Angkat

UM 22.4.2014 26

SEMPORNA 22 April - Sebanyak 50 pelajar tahun tiga jurusan Perhubungan Awam, Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai program Keluarga Angkat 2014 di Kampung Bugaya di sini semalam.

Pembantu Menteri Kewangan negeri, Datuk Ramlee Marhaban

ketika merasmikan program itu berkata, inisiatif itu amat baik kerana dapat menambah pengetahuan kepada para mahasiswa agar lebih memahami kepentingan pengukuhan institusi kekeluargaan.

Katanya, institusi keluarga yang kukuh akan menjadikan sesebuah

komuniti masyarakat itu berdaya maju dan mampu bersaing dalam apa juga perubahan mendatang.

"Pelajar dapat menjalani, memahami dan mempraktikkan kerja lapangan terutama dalam menyediakan diri untuk berkhidmat kepada masyarakat apabila mereka keluar

dari universiti kelak," katanya.

Ramlee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bugaya berkata, golongan belia merupakan pemimpin pelapis masa depan negara dan semestinya perlu melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan dalam pel-

bagai bidang.

Tambah beliau lagi, program berkenaan merupakan contoh latihan terbaik kerana mampu membentuk mutu kepimpinan berkualiti memandangkan para pelajar dide dahukan dengan kehidupan sebenar.



RAMLEE Marhaban (empat dari kanan, barisan kedua) bersama-sama 50 pelajar Perhubungan Awam Tahun 3 dari Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah sempena Projek CSR Keluarga Angkat PR 2014 UMS Kampung Bugaya Semporna, di Semporna, Sabah, kelmarin.